

**Title : Contohilah**

**Composer : Bani Farook**

**Lyricist : Bani Farook**

Kehidupan manusia  
Walau di mana  
Matlamat kita semua  
Sama, kemajuan

Sikap mementing diri  
Jangan diamali  
Bila di jalanraya  
Marilah hormati semua

Si pejalan kaki dengan jejatas  
Oh yeah!  
Penunggang motosikal  
Ghairah bergaya  
Yeah.....

Mari! oh. mari semua!  
Kita! bila memandu di jalanan  
Kita bertimbang rasa  
Ingat! ada yang tua,  
Beri! laluan kepada mereka  
Itu sifat yang mulia

Banyak terjadi mangsa  
Kemalangan oh!  
Mari kita mencegahnya  
Bersama sama.....

Bila di lebuhraya  
Had laju dijaga  
Contoh mencontohilah  
Sesama kita

Tenang-tenang lah  
Kita bila memandu,  
Oh yeah!  
Tenang-tenang lah  
Kita jangan meluru,  
Yeah!

Mari! oh mari semua  
Kita bila memandu di jalanan  
Kita bertimbang rasa  
Ingat si anak sekolah  
Beri laluan kepada mereka  
Itu sifat yang mulia

Mari! oh mari semua  
Kita bila memandu di jalanan  
Kita bertimbang rasa  
Ingat ada yang tua  
Beri laluan kepada mereka  
Itu sifat yang mulia